



## SIARAN MEDIA

---

### TELCO DISARAN TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN DI PAHANG

**KUANTAN, 3 Februari 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menjalankan Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular (Panggilan Suara) pada hari ini untuk menilai isu panggilan suara terputus bagi rangkaian mudah alih di Pahang.

Ujian dilakukan di sepanjang laluan dari Swiss-Garden Beach Resort Kuantan ke Pusat Ekonomi Digital (PEDi) FELDA Goh melalui beberapa jalan dan kawasan utama di Kuantan. Program ini melibatkan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih (*telcos*) iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Unifi Mobile (TM) dan YES (YTL) yang turut disertai oleh pihak media.

Sepanjang ujian dilaksanakan, terdapat **satu panggilan terputus** telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, pihak penyedia rangkaian perkhidmatan yang berkaitan telah diminta untuk mengambil tindakan segera dan seterusnya melaporkan kerja-kerja penambahbaikan yang dilaksanakan kepada Kementerian Komunikasi menerusi SKMM.

Pahang merupakan lokasi ketiga selepas dua sesi terdahulu diadakan di ibu negara melibatkan perjalanan dari Bangunan Parlimen ke Kementerian Komunikasi, Putrajaya pada 9 Januari 2024 dan sesi kedua di Melaka River Cruise pada 26 Januari 2024.

SKMM akan terus memantau perkara ini sepanjang suku pertama tahun 2024 dan akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Komunikasi.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa; Ketua Bahagian Koordinasi Negeri SKMM, Tuan Haji Bukhari Yahya dan wakil-wakil daripada penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih.

**Dikeluarkan oleh:**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**